

# Tafsir Kisah Penghuni Gua (Al-Kahf, 18:9-26)

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat, 18:9-26

- Kisah Penghuni Gua (Ashab Al-Kahf), lihat di <http://en.wikipedia.org/wiki/Al-Kahf>
- 3 versi mengenai lokasi; Anatolia (Turki, pegangan Kristian dan Yahudi), Damsyiq (Syria), Amman (Jordan)



- Sebab turun ayat, Quraisy bertanya pendita Yahudi mengenai Nabi Muhammad s.a.w
  - pendita menasihati agar uji dengan 3 soalan;
    - a) Penghuni Gua
    - b) Zul Qarnayn
    - c) Ruh (disebut dalam surah Al-Isra')
- Kisah mengenai pemuda (jumlah mereka tidak jelas), beriman dengan tawhid (18:10, 13), menyalahi akidah masyarakat mereka (18:15)
- 2 versi tentang masa hidup;
  - a) sebelum Nabi Isa a.s (mungkin mengikut ajaran Nabi Musa a.s)
  - b) selepas Nabi Isa (mungkin mengikut ajaran Nabi Isa a.s)

- Lari ke gua, sembunyi dari penindasan agama (18:16)
  - ditidurkan selama 309 tahun (18:11, 25)
  - tidak mustahil, tempoh koma paling lama ialah 19 tahun membabitkan Terry Wallis, lihat  
[http://en.wikipedia.org/wiki/Terry\\_Wallis](http://en.wikipedia.org/wiki/Terry_Wallis)
- Pelajaran dari pemuda untuk pemuda (18:9-10)
  - bukan semua pemuda jenis “havoc”
  - peranan penting golongan pemuda
- ‘Uzlah, hijrah, larikan diri, bersembunyi, hidup low-profile dibenarkan apabila hadapi penindasan keras (18:16)
  - tidak semesti tercela, bukan tanda penakut
    - > apabila sesuai dengan syarat dan keadaan = bijaksana dan terpuji (18:16)
  - jihad bersenjata, berkonfrontasi, aktivisme sivil, serah diri untuk dibunuhan bukan hanya pilihan yang ada

- pilihan terbaik bergantung pada konteks, lihat pendekatan syariah dalam buat keputusan <http://haniff.sg/artikel-pendek/artikel-agar-keputusan-berpandu-syariah-berita-harian-singapura-12-april-2012/>
- 18:10, doa Penghuni Gua
  - digalak untuk dijadikan amalan
  - nikmat utama Tuhan ialah hidayahNya, keupayaan untuk tahu benar dan salah; jangan hanya doa untuk banyak harta
  - Tuhan suka diingati kerana rahmatNya
  - bukan hanya berdoa, perintah untuk bina keupayaan berkenaan dalam diri dan orang lain (anak-anak)
    - > keupayaan = kognitif, intuitif dsbg.
  - perhatikan, keupayaan dikaitkan dengan Tuhan sebagai rahmatNya, bukan sesuatu yang didapati oleh diri = tawaduk
    - > ingat kata-kata Nabi Sulaiman. “.. Ini adalah nikmat Tuhanku...” (27:40)
    - > dimensi spiritual dalam pembangunan insan

- 18:11, tidur semasa bersembunyi
- 18:12, sedar setelah bertahun-tahun lamanya, jumlah tahun sebenar dalam 18:25
  - ada pendapat berkata 300 tahun berdasarkan kalendar lunar dan 309 tahun berdasarkan kalendar solar
  - satu kes lain ialah kisah Uzair dalam 2:259
- 18:13, iman adalah satu pilihan yang perlu dibuat dahulu, baru kemudian datang hidayah dan bantuan Tuhan untuk istiqamah (18:14, 9:124, 47:17, 48:4)
- 18:17, pelihara tubuh dari elemen-elemen tabi`ii yang boleh merosakkan (cahaya matahari)
  - hidayah Tuhan (buat pilihan dahulu sebagaimana dalam 18:12)

- 18:18, tidur mata terbuka
  - untuk takuti sesiapa sahaja = sangka mereka sedar, juga buat mereka kelihatan garang
  - tukar kedudukan tidur, satu lagi langkah pelihara tubuh dari elemen alam i.e. bumi = elak dari “bed sore”
  - Tuhan pelihara mereka melalui hukum sebab musabab, bukan secara “magik”
- 18:19, bangun setelah tidur yang lama
  - sangka tidur selama 1 atau 1.5 hari sahaja
  - dirham (silver) telah diguna sebagai matawang
  - mencari makanan yang BAIK
  - ambil langkah keselamatan, bukan hanya tawakal (sesuai juga dengan kisah Nabi Yusuf) = dakwah perlu perancangan dan langkah berhati-hati
  - perhatikan, sembunyi dalam gua sebagai sebahagian dari perancangan

- 18:21, pergi pasar dan sedar hakikat sebenar
  - orang ramai telah menjadi Muslim, bukan penyembah berhala
  - akidah peribadi mereka terselamat, tapi akidah yang benar menang dalam masyarakat bukan kerana perbuatan mereka
    - > selamatkan diri sendiri dahulu bukan semestinya salah
    - > bukan semua orang mesti atau mampu jadi shahid
    - > mukjizat / karamah bukan hanya ada pada mati shahid
  - harus membina monumen peringatan
- 18:22, mengenai jumlah Penghuni Gua
  - tiada angka sebenar, hanya Tuhan yang tahu
  - tidak penting untuk mendalaminya, fokus pada pengajaran yang lebih penting
  - keutamaan dalam belajar dan mengkaji, terutama apabila membabitkan perincian sesuatu

- 18:23-4, katakan “in sya Allah” untuk apa juu usaha masa depan
  - satu nasihat kepada Nabi s.a.w
  - Nabi jawab kepada Quraisy , “Saya akan jawab soalan kamu (mengenai kisah Penghuni Gua) esok”, tanpa sebut “in sya Allah”
  - apabila lupa sesuatu, ingat Allah i.e. berzikir banyak-banyak
- 18:25-6, sebahagian ilmu hanya milik Tuhan sahaja = pelajaran bagi sifat tawaduk
  - kita tidak akan boleh tahu semua perkara
- Masa adalah sebahagian dari huraihan masalah
  - beri masa, jangan gopoh dan tergesa-gesa